

**Bagaimanakah untuk menyelesaikan masalah tersebut?**

Amat mudah, pada kebiasaannya bil-bil Cukai Taksiran akan dikirimkan pada minggu pertama bulan Januari dan Julai setiap tahun. Sekiranya anda tidak menerimanya, sila datang ke pejabat ini. Kesalahan nama dan lain-lain maklumat boleh dipinda dengan syarat pemilik harta mengisi dengan lengkap borang-borang yang disediakan.

**Bagaimanakah boleh diperolehi borang-borang berkenaan?**

Borang-borang boleh diperolehi secara menulis surat atau datang sendiri ke Kaunter Pertanyaan di Lobi Tingkat Bawah Bangunan, Majlis Bandaraya Ipoh.

Perlu dimaklumkan bahawa mengikut Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan, 1976:-

1. Sebarang pindahmilik harta mesti diberitahu kepada Majlis oleh pemilik asal (penjual) atau pemilik baru (pembeli) selewat-lewatnya tiga bulan selepas tarikh pindahmilik dan;
2. Sebarang pindahmilik harta pusaka, mesti diberitahu selewat-lewatnya satu tahun selepas ianya disempurnakan.

Kegagalan untuk memberitahu Majlis mengenai pindahmilik menyebabkan anda melakukan kesalahan mengikut Seksyen 160 (6), Akta berkenaan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau keduanya sekali.

**ADAKAH ANDA MASIH MUSYKIL**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:-

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**  
Majlis Bandaraya Ipoh  
Tingkat 4, Jalan Sultan Abdul Jalil,  
Greentown, 30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan

**Tel : 05 - 208 3311**

**HOTLINE MBI**

**05-255 1515**

\* Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH  
HAKCIPTA TERPELIHARA

# FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS BANDARAYA IPOH



**IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN**

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta adalah Jabatan Perkhidmatan dalam organisasi Majlis Bandaraya Ipoh. Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penilaian dan Bahagian Pengurusan Harta.

### Apakah fungsi utama kami?

Kami menjalankan kerja penilaian untuk maksud kadaran iaitu menilai semua pegangan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh bagi menentukan jumlah Cukai Taksiran yang perlu dijelaskan oleh pemilik-pemilik harta berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

### Selain daripada fungsi utama, apakah fungsi-fungsi lain Jabatan ini?

1. Menilai harta-harta milik Kerajaan untuk maksud Caruman Bantu Kadar;
2. Urusan pengambilan balik tanah untuk melaksanakan projek-projek Majlis;
3. Urusan permohonan/perolehan tanah Kerajaan untuk projek-projek Majlis;
4. Urusan penyewaan harta-harta Majlis; dan
5. Menguruskan cadangan projek-projek penswastan Majlis.

### Apakah yang dimaksudkan dengan pegangan?

Secara ringkas "Pegangan" bermaksud harta iaitu tanah yang ada atau tidak ada bangunan di atasnya.

### Berapa kadar Cukai Taksiran harta anda?

Cukai Taksiran berdasarkan kepada "Nilai Tahunan" harta tersebut dan dikira mengikut kadar masing-masing seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak.

Kadar Cukai Taksiran Semasa yang dikuatkuasakan mengikut peruntukan Seksyen 127 dan 129 Akta Kerajaan Tempatan 1976 ialah :-

1. Pegangan di kawasan Bandar dan Taman Perumahan (Termasuk Kg. Paloh)	16%
2. Bangunan Bertingkat untuk kegunaan kediaman (rumah pangsa, apartmen, pangsapuri dan kondominium)	10%
3. Bangunan Kilang	10%
4. Pegangan di Rancangan Perkampungan Tersusun	8%
5. Pegangan di Kampung-kampung Baru	8%
6. Tanah Pertanian	6%
7. Pegangan di Kampung-kampung Tradisi	5%
8. Pegangan di Perkampungan Gugusan Manjoi	5%
9. Tanah Lombong	2%

### Apakah yang dimaksudkan dengan Nilai Tahunan

Nilai Tahunan untuk bangunan didefinisikan sebagai anggaran sewa kasar untuk setahun bagi sesuatu pegangan harta. Manakala tanah kosong dan tanah yang belum dimajukan sepenuhnya, Nilai Tahunan adalah 10% dari Nilai Pasaran Tanah. Kadar ini boleh dikurangkan sehingga 5% dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

### Bagaimanakah proses kerja Penilaian ini dilakukan

Pegawai-pegawai dari Jabatan ini akan menjalankan kerja penyiasatan tapak dan ukur periksa bangunan berkenaan. Semasa menjalankan tugas ini, pemilik-pemilik harta atau penghuni bangunan adalah diminta memberikan kerjasama dengan membenarkan mereka memasuki bangunan serta memberikan maklumat-maklumat atau mengisi borang-borang jika diperlukan.

Pegawai-pegawai ini memakai tanda nama dan memiliki kad kuasa. Sekiranya pemilik-pemilik harta berasa curiga, mereka bolehlah memeriksa kad kuasa berkenaan.

Satu notis mengenai Nilai Tahunan yang ditetapkan akan dikirimkan kepada pemilik harta sebelum Cukai Taksiran tersebut dikuatkuasakan.

### Sekiranya anda tidak berpuashati dengan penilaian yang ditetapkan apakah hak anda?

Anda boleh mengemukakan surat bantahan dengan syarat ianya mengikut tarikh seperti yang dinyatakan di dalam notis.

Majlis akan menimbang bantahan anda dan kemudiannya membuat keputusan.

Sekiranya anda masih tidak berpuashati dengan keputusan bantahan tersebut, anda boleh membuat rayuan seterusnya ke Mahkamah Tinggi.

### Apakah masalah biasa yang dihadapi oleh pemilik-pemilik harta?

Ada dua masalah biasa yang sering dihadapi:-

1. Tidak menerima sebarang bil untuk bayaran Cukai Taksiran;
2. Kesalahan nama pada bil berkenaan atau bil tersebut masih lagi mencatatkan nama pemilik terdahulu.